

# M gembira rakyat terima nilai Islam

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira kerana masyarakat bukan Islam di negara ini tidak curiga dengan usaha penerapan nilai-nilai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Mereka tidak menunjukkan bantahan, malah ada antara mereka yang menyokong secara terbuka," kata Perdana Menteri ketika merasmikan bangunan Pusat Islam Malaysia, di sini hari ini.

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, menerusi penerapan nilai-nilai Islam, masyarakat bukan Islam lebih memahami pandangan Islam mengenai soal-soal kemasyarakatan.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu mendorong kerajaan mengambil langkah yang lebih positif bagi melaksanakan usaha berkesan ke arah menjayakan syiar Islam di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, ajaran Islam yang dipegang dan diyakini selama ini perlu dihayati mengikut suasana dan konteks yang ada di sekelilingnya.

"Misalnya, sifat membazir dilarang oleh Islam, tetapi tafsiran membazir setakat ini terhad kepada penggunaan wang yang berlebihan.

## Asas hidup

"Sepatutnya membazir hendaklah ditafsirkan bagi merangkumi sikap membiarkan potensi kekayaan dan kemakmuran tanpa diusahakan, seperti membiarkan tanah pertanian tanpa diusahakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, usaha kerajaan meninggikan syiar Islam dalam aspek memberi kesedaran terhadap Islam hampir mencapai matlamatnya.

Katanya, ramai umat Islam di negara ini sudah bersikap 'committed' terhadap Islam dan rela menerima Islam sebagai asas hidup mati mereka.

Mengenai Pusat Islam Malaysia, Perdana Menteri berkata, ia akan menampung keperluan ruang sema-

sa Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri supaya sejajar dengan taraf Islam sebagai agama rasmi negara.

Menurut beliau, sejak bahagian itu ditubuhkan atas desakan Umno, kegiatannya telah meningkat bukan sahaja di segi bilangan kakitangan, malah bidang-bidang mengenai urusan agama.

## Bangga

Perdana Menteri bangga dengan keupayaan arkitek bangunan itu yang berjaya membiina sebuah bangunan yang unik serta memenuhi segala keperluan sebuah jabatan penting dalam pentadbiran agama.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai menjaga kebersihan pusat itu dan persekitarannya supaya keindahannya dapat dikekalkan.

Pusat Islam dilengkapi dengan pelbagai kemudahan moden, termasuk auditorium dan halaman yang luas serta boleh digunakan untuk pelbagai perjumpaan.

Salah satu ciri istimewa kompleks itu ialah dua keping 'stained glass' yang disesuaikan dengan reka bentuk Islam dipasang di pintu besarnya, seperti di Masjid Nabawi di hadapan Makam Nabi dan di Masjid Zahir, Alor Star.